



PERKHIDMATAN bas pengantara antara manfaat yang bakal diterima orang awam selepas projek MRT3 siap pada 2025 -UTUSAN/MOHD NAIM AZIZ

Bajet 2018: MRT3 dijangka siap pada 2025

MRT Corp. optimis mampu capai sasaran

Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN**

kota@utusangroup.com.my

■ **KUALA LUMPUR 29 OKT.**

MASS Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk meneruskan Projek MRT Laluan 3 (MRT3) yang akan disiapkan pada tahun 2025, dua tahun lebih awal daripada dijadualkan.

Ketua Pengarah Eksekutifnya, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, MRT3 atau lebih dikenali sebagai MRT Laluan Lingkaran di bawah Projek MRT Lembah Klang bakal memanfaatkan rakyat sepenuhnya.

“Tarikh siap lebih awal tentunya membolehkan rakyat menerima manfaat daripada sebuah mod pengangkutan moden, efisien, boleh percaya dan mampan yang akan menyenangkan perjalanan mereka,” katanya dalam

kenyataan di sini.

Menurut Shahril, laluan baharu tersebut bakal menambah baik kesinambungan dengan jaringan rel bandar sedia ada dan akan merangsang aktiviti ekonomi, selain menjadi sebuah pemangkin pembangunan.

“MRT Corp. akan bekerjasama dengan agensi-agensinya berkaitan untuk memperoleh cara yang terbaik dalam melaksanakan projek ini dengan cepat.

“Sepertimana pelaksanaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), MRT Corp. memastikan MRT3 akan disiapkan tepat pada masanya dan menepati kos anggaran,” kata beliau.

Tambah Shahril, pihaknya turut mengalu-alukan pengumuman penubuhan Pusat Kece-



SHahril MOKHTAR

merlangan Keretapi Kebangsaan.

“Ini adalah langkah positif dalam membangunkan industri rel di Malaysia. Kita sendiri dapat lihat bagaimana industri sangat berpotensi dan inilah masanya untuk rakyat menceburi industri ini,” katanya.

Laluan MRT3 bakal melalui kawasan berkapasiti tinggi sekitar Greater KL dan akan menghubungkan dengan lebih banyak stesen sedia ada bagi melengkapkan jaringan pengangkutan awam di ibu negara.

Ini termasuk menghubungkannya dengan rangkaian stesen daripada perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), KTM Komuter, KL Monorel serta jajaran MRT1 dan MRT2.